



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### PENEMUAN AWALAN BANCİ EKONOMI 2026 - STATISTIK RUMAH PERCUTIAN

**Banci Ekonomi 2026: Malaysia merekodkan sebanyak  
71,101 rumah percution dengan hasil berjumlah RM2.2 bilion  
pada tahun 2025**

**PUTRAJAYA, 7 JULAI 2026** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini menerbitkan **Buletin Statistik Rumah Percution: Banci Ekonomi 2026**, yang merupakan penerbitan statistik rasmi pertama mengenai rumah percution mengikut negeri dan daerah di Malaysia. Statistik ini adalah berdasarkan penemuan awal Banci Ekonomi 2026 (BE 2026) yang dilaksanakan dari 5 Januari hingga 30 Jun 2026 dan data pentadbiran daripada pelbagai agensi. Liputan statistik adalah merujuk kepada Piawaian Klasifikasi Perindustrian Malaysia (MSIC) 2025, Aktiviti 55201: Rumah dan Apartmen Percution.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata: "Buletin ini merupakan satu pencapaian penting dalam memperkukuh statistik rasmi pelancongan Malaysia dengan menyediakan, buat pertama kalinya, data menyeluruh mengenai taburan geografi industri rumah percution. Statistik ini menjadi asas bukti yang penting untuk menyokong penggubalan dasar, perancangan pelancongan dan pembangunan industri yang mampan."

Penemuan awal menunjukkan bahawa sebanyak 71,101 rumah percutian beroperasi di seluruh negara pada tahun 2025 dengan anggaran hasil sebanyak RM2.2 bilion. Pertumbuhan berterusan industri ini mencerminkan peningkatan permintaan terhadap penginapan alternatif serta peranannya yang semakin signifikan dalam menyokong aktiviti ekonomi berkaitan pelancongan dan sektor perkhidmatan secara keseluruhan.

Mengikut negeri, Selangor merekodkan bilangan rumah percutian tertinggi iaitu 19,095 unit, mewakili lebih satu perempat daripada jumlah keseluruhan negara. Ini diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur (8,207 unit) dan Johor (7,274 unit). Tumpuan rumah percutian di negeri-negeri tersebut mencerminkan permintaan yang kukuh terhadap aktiviti pelancongan, disokong oleh jaringan pengangkutan yang komprehensif, kegiatan ekonomi yang dinamik serta lokasi yang berdekatan dengan destinasi pelancongan utama.

Pada peringkat daerah, Petaling mencatatkan bilangan rumah percutian tertinggi sebanyak 5,502 unit, diikuti oleh Ulu Langat (4,067 unit) dan Johor Bahru (3,186 unit). Daerah-daerah ini terus menunjukkan prestasi yang memberangsangkan hasil kedudukannya yang strategik di kawasan bandar utama dan tumpuan aktiviti pelancongan, disokong oleh permintaan pelawat yang pelbagai serta kemudahan infrastruktur yang komprehensif.

Industri rumah percutian terus menjana kesan limpahan positif kepada ekonomi melalui peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan penginapan, pengangkutan, makanan dan minuman, perdagangan runcit serta aktiviti rekreasi. Selain itu, industri ini turut mewujudkan peluang pendapatan kepada komuniti setempat dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), di samping menyumbang kepada pembangunan wilayah yang lebih seimbang serta pertumbuhan pelancongan mampan.

Perantaraan ke hadapan, pertumbuhan pelancongan domestik yang berterusan, pendigitalan perkhidmatan penginapan dan perubahan corak perjalanan dijangka terus menyokong perkembangan industri ini.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan

perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta: Bilangan Rumah Percutian di Malaysia, 2025



Paparan: Lima Daerah Tertinggi Bilangan Rumah Percutian di Malaysia, 2025



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**  
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**7 JULAI 2026**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

## MEDIA STATEMENT

### PRELIMINARY FINDINGS OF HOLIDAY HOMES STATISTICS, ECONOMIC CENSUS 2026

---

#### **Economic Census 2026: Malaysia recorded 71,101 holiday homes, with revenue amounting to RM2.2 billion in 2025**

**PUTRAJAYA, 7 JULY 2026** – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) today released the **Bulletin of Holiday Homes Statistics: Economic Census 2026**, marking the first official statistics of holiday homes by state and district in Malaysia. The statistics are based on preliminary findings of the Economic Census 2026 (EC 2026), conducted from 5 January to 30 June 2026, together with administrative data from various agencies. The statistical coverage is based on the Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2025, Activity 55201: Holiday Homes and Apartments.

The Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, said: "This bulletin marks an important milestone in strengthening Malaysia's official tourism statistics by providing, for the first time, comprehensive insights into the geographical distribution of the holiday home industry. These statistics serve as an important evidence base to support informed policymaking, tourism planning and sustainable industry development."

Preliminary findings indicate that 71,101 holiday homes were operating nationwide in 2025, generating an estimated RM2.2 billion in revenue. The industry's continued expansion

reflects the growing demand for alternative accommodation and its increasing role in supporting tourism-related economic activities and the broader services sector."

By state, Selangor recorded the highest number of holiday homes with 19,095 units, accounting for more than one-quarter of the national total. This was followed by W.P. Kuala Lumpur (8,207 units) and Johor (7,274 units). The concentration of holiday homes in these states reflects strong tourism demand, extensive transport connectivity, vibrant economic activities and proximity to major tourism destinations.

At the district level, Petaling recorded the highest number of holiday homes with 5,502 units, followed by Ulu Langat (4,067 units) and Johor Bahru (3,186 units). These districts continue to benefit from strategic locations within major urban and tourism activities, supported by diversified visitor demand and well-developed infrastructure.

The holiday home industry continues to generate positive spillover effects across the economy by stimulating demand for accommodation-related services, transportation, food and beverage, retail trade and recreational activities. As tourism activity expands, the industry also creates income opportunities for local communities and micro, small and medium enterprises (MSMEs), while contributing to more balanced regional development and sustainable tourism growth.

Looking ahead, sustained domestic tourism, continued digitalisation of accommodation services and evolving travel preferences are expected to further support the industry's growth, reinforcing its contribution to Malaysia's tourism ecosystem and the nation's services sector.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed **"Data Nadi Ekonomi Rakyat"**. The sixth Economic Census, will be carried out from **5<sup>th</sup> January to 31<sup>st</sup> October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

**Malaysia** has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67<sup>th</sup> position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20<sup>th</sup> as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20<sup>th</sup> October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**Chart: Number of Holiday Homes in Malaysia, 2025**



**Exhibit: Top Five Districts by Number of Holiday Homes in Malaysia, 2025**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**  
**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**  
**7 JULY 2026**